

SOALAN NO. : 23

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 25 MAC 2015 [RABU]

SOALAN :

YB Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] meminta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan langkah-langkah meningkatkan pemahaman dan rasa tanggungjawab rakyat umum dalam menghargai dan mengurus alam sekitar lestari.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua rakyat memainkan peranan penting dalam menyokong usaha kerajaan memelihara dan memulihara alam sekitar. Bagi memastikan pemahaman dan rasa tanggungjawab rakyat menghargai dan mengurus alam sekitar, pelbagai program dan aktiviti dianjurkan oleh pihak Kementerian melibatkan penglibatan rakyat seperti Sambutan Hari Bumi, Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia, Hari Perhutanan Sedunia, Hari Biodiversiti Sedunia, dan Hari Tanah Lembap Sedunia. Semasa sambutan sebegini, pelbagai aktiviti seperti aktiviti-aktiviti yang bercirikan kesedaran alam sekitar diadakan antaranya aktiviti penanaman pokok.

Selain daripada itu, hebahan maklumat bagi meningkatkan pemahaman dan kesedaran awam dalam konservasi alam sekitar turut dijalankan melalui media cetak dan media elektronik seperti video dokumentari mengenai kepelbagaian biologi/ biodiversiti dan video animasi berkaitan pemuliharaan hutan paya bakau, kesedaran mengenai tapak Ramsar dan tanah lembap serta informasi mengenai taman laut di Malaysia yang ditayangkan di televisyen.

Rakan Alam Sekitar (RAS) juga merupakan platform untuk melibatkan komuniti dan semua peringkat masyarakat untuk menjayakan program kesedaran alam sekitar. Ahli-ahli RAS turut terlibat dalam mejayakan Program Pemantau, Pencegahan dan Pencemaran (3P). Di samping itu,

program-program kesedaran turut diadakan melalui kerjasama dengan NGO, industri dan pelajar-pelajar sekolah dan Institut Pengajian Tinggi.

Sekian, terima kasih.